

Parti Keadilan Rakyat (PKR) dan Intelektual Liberal: Kelahiran dan Evolusi Idea

Parti Keadilan Rakyat (PKR) and Liberal Intellectuals: The Birth and Evolution of Ideas

MOHD AZIZI JAEH & MUHAMAD TAKIYUDDIN ISMAIL

ABSTRAK

Pasca Reformasi bukan sekadar menyaksikan fenomena demonstrasi jalanan dan penentangan aktivis terhadap rejim pemerintah ketika itu, Barisan Nasional, tetapi juga kesedaran yang dipupuk dalam kalangan sebahagian aktivis dalam Parti Keadilan Rakyat (PKR) telah melahirkan gerakan intelektual yang bersikap anti-establishment. Gerakan yang dipelopori Khalid Jaafar dan sekumpulan aktivis Jalan Telawi dari segi sejarahnya cenderung dengan pemikiran pencerahan dan liberalisme Barat. Artikel ini bertujuan memaparkan kegiatan golongan liberal dalam PKR selepas tercetusnya Reformasi. Di samping itu, kajian ini akan mengemukakan peranan aktor-aktor yang melingkungi intelektual PKR dalam menjayakan projek pendidikan politik. Kajian ini mengaplikasikan kaedah kualitatif iaitu memberikan tumpuan kepada temu bual penulis bersama beberapa orang informan serta diperkuuhkan dengan bukti-bukti empirikal menerusi sumber sekunder. Penemuan kajian mendapati peranan Institut Kajian Dasar (IKD) dan penganjuran program Sekolah Politik telah membantu golongan pencerahan menyusun gerakan pengkaderan dan penentangan. Kelompok ini tidak lagi berorientasi kepada tindakan demonstrasi massa dan kempen pilihan raya, sebaliknya mengadakan kegiatan intelektual bagi mempromosikan kebebasan individu dan nilai keadilan sejagat. Untuk itu, intelektual pencerahan bertindak atas sikap sukarelawan dengan mengadakan diskusi mingguan, projek penulisan buku, penulisan artikel di internet dan penterjemahan karya-karya pemikir tersohor. Projek ini turut mendapat pembiayaan dana dari pertubuhan pemikir Jerman khususnya menerusi Konrad Adeneur Stiftung (KAS). Secara tidak langsung, kegiatan ini memberikan impak kepada sebuah parti dalam menarik aktivis intelektual di bandar melakukan kerja pendidikan politik di samping pengwujudan kombinasi kelompok kiri-tengah dan kanan-tengah yang menyokong gerakan Reformasi yang dianjurkan PKR.

Kata kunci: Parti Keadilan Rakyat (PKR); liberalisme; Khalid Jaafar; Institut Kajian Dasar (IKD); Konrad Adenauer Stiftung (KAS)

ABSTRACT

The post-Reformasi period was characterized not merely by a street demonstration phenomenon and activist resistance against the Barisan Nasional regime, but also consciousness instilled among a portion of the activists in the Parti Keadilan Rakyat in generating an anti-establishment intellectual movement. This movement, led by Khalid Jaafar and a group of Jalan Telawi activists, historically tended towards enlightenment thinking and Western liberalism. This article intends to display the activities of the liberal group in the PKR in the post-Reformasi period. In addition, the research will put forward the roles played by the actors that encircled the PKR in carrying out the project of political education. This research applies a qualitative method employing interviews with informants as the primary source, strengthened with empirical data as secondary source. The findings show that the roles of Institut Kajian Dasar and organizing activities carried out by Sekolah Politik helped the enlightenment group in achieving indoctrination and creating a resistance movement. This group no longer moved through mass demonstration acts and general election campaigning, but manifested an intellectual movement promoting individual freedom and universal virtues. Thus, enlightenment-oriented intellectuals acted voluntarily with weekly discussions, books writing

projects, online articles, and translating the works of renowned scholars. These projects were also funded by Germany scholarly foundations, primarily Konrad Adenauer Stiftung. Indirectly, the projects impacted the party in attracting urban intellectual activists to work on political education alongside combined centre-left and centre-right groups that supported the Reformasi movement of the PKR.

Keywords: Parti Keadilan Rakyat (PKR); liberalism; Khalid Jaafar; Institut Kajian Dasar (IKD); Konrad Adenauer Stiftung (KAS)

PENGENALAN

Parti Keadilan Nasional ditubuhkan pada 1999 bagi memperjuangkan nasib bekas Timbalan Perdana Menteri, Anwar Ibrahim yang dipecat dari kerajaan dan UMNO. Tidak sedikit yang berasa ragu bahawa parti ini akan dapat bertahan mengambil kira nasib parti serpihan UMNO yang lain seperti Parti Semangat 46. Selepas 20 tahun, parti yang kini dikenali sebagai Parti Keadilan Rakyat (PKR) berikutan penggabungannya dengan Parti Rakyat Malaysia (PRM) pada 2003, kini merupakan parti yang memenangi kerusi Parlimen terbesar dalam gabungan Pakatan Harapan yang memenangi Pilihan Raya Umum ke-14 pada Mei 2018.

Dari segi sejarah, ‘Keadilan’ telah dipilih sebagai nama sebuah parti bagi mengisi hasrat aktivis dan intelektual yang terlibat dalam gerakan politik tidak berstruktur yang dinamakan Reformasi (Hamdan 2018: 310). Kehadiran golongan intelektual telah memberikan pemberat kepada PKR sejak mula diasaskan pada 4 April 1999. Sebagai aktivis intelektual mereka telah menempatkan diri sebagai kumpulan pemikir, penulis ucapan dan perencana strategi bagi kepimpinan parti mempromosikan nilai kebebasan dan keadilan. Menerusi sikap intelektualisme dan *anti-establishment* inilah mewujudkan persekitaran politik baru khususnya kelahiran generasi Reformasi yang bersikap *rebellious* (Kamarudin 2000: 61). Malah sikap akomodatif dan kesederhanaan terhadap ideologi berbeza meletakkan kedudukan PKR sebagai parti Reformasi yang terdiri daripada golongan yang berjulurkan liberal, sosialis dan Islamis. Menurut Abdul Halim Ali (2019), pengaruh golongan intelektual Reformasi dari segi spektrum ideologi begitu luas jangkauannya daripada yang menghampiri ‘konservatisme di sebelah kanan’ sehingga mendekati ‘sosialisme di sebelah kiri’ dan ‘liberal pada kedudukan tengah’ atau turut meliputi golongan liberal kiri dan liberal kanan.

Intelektual liberal atau digelar golongan pencerahan merupakan salah satu segmen yang lahir dalam PKR dan tampil dalam menyuarakan

kritikan sosial. Sehubungan itu, dalam mengkaji kemunculan intelektual liberal dan hubungannya dengan PKR, artikel ini akan memaparkan kegiatan golongan liberal dalam PKR selepas tercetusnya gerakan Reformasi. Berhubung dengan pengaruh badan pemikir, kajian ini akan mengemukakan peranan aktor-aktor yang melingkungi intelektual PKR dalam menjayakan projek pendidikan politik.

LATAR BELAKANG

Tulisan berhubung ideologi PKR ini mengambil ‘konteks duluan’ parti politik di Malaysia tidak memiliki satu ideologi, sebaliknya diletakkan mengikut konteks. Fakta bahawa terdapatnya elit UMNO yang boleh diletakkan dalam segmen ‘liberal’ dan ‘konservatif’ yang menunjukkan sesebuah parti tidak memiliki kesatuan jelas atau (*clear and cut*) berkenaan ideologi secara keseluruhan (Tunku Mohar 2013: 224). Malah orientasi UMNO secara longgar disifatkan sebagai campuran pragmatis antara negara pembangunan, nasionalisme Melayu, demokrasi liberal yang didakwanya sebagai Islam progresif dan kosmopolitan. Pada amnya, UMNO tidak cenderung melaksanakan perundangan syariah. Sebaliknya, UMNO memandang konteks syariah sebagai perundangan spiritual dengan peranan terbatas agama dalam institusi pemerintahan. UMNO dalam konteks ini bagi Syed Ahmad Hussein (2002: 77), lebih sesuai diklasifikasikan sebagai ‘Islam liberal.’ Dari sudut ekonomi pula, kepimpinan UMNO sejak era Mahathir mula terpengaruh dengan aliran *New Right* yang menguasai pemikiran liberalisasi ekonomi Barat seperti yang terjelma dalam era *Reaganism* di Amerika Syarikat (AS) dan era *Thatcherism* di Britain. UMNO mula berubah dan bertindak mengurangkan peranan *state* dalam program ekonomi (Mohd Ali & Jamaie 2005: 113-114). Pendekatan neoliberal yang dikekalkan telah disesuaikan dengan perkembangan ekonomi global yang melambangkan UMNO sebuah parti pragmatik yang di dalamnya dikuasai

kelas kapitalis (Juego 2018: 55). Tidak setakat menyandarkan UMNO sebagai parti yang liberal dari segi ekonomi, malah UMNO mempunyai golongan liberal dan konservatif. Oleh itu, artikel ini meletakkan konteks liberalisme sebagai ideologi yang berkait dengan kegiatan intelektual PKR, di samping pengaruh kumpulan pemikir dan pertubuhan yang dekat dengan intelektual PKR.

Sehingga kini, kajian-kajian lepas berhubung PKR amat terbatas dan mempunyai fokus yang berbeza. Kajian Hamdan (2018), misalnya memfokuskan sejarah dan kronologi PKR pada dekad pertama kelahirannya dalam gerakan Reformasi. Manakala kajian Mazlan dan Zulkarnain (2014), membincangkan peningkatan sokongan PKR pada PRU ke-12 yang berpunca daripada sokongan parti politik merentasi kaum. Selanjutnya, kajian Akmal Hisham (2011), menumpukan kepada pilihan raya kecil yang disertai PKR. Selebihnya kajian-kajian yang lebih berfokus kepada kedinamikan Reformasi seperti Farish Noor (1999), Funston (2000), Khoo Boo Teik (2000) dan Sheila Nair (2007) terbatas skopnya dalam membincangkan aspek hubungan ideologi dan parti. Maka, penulisan berhubung PKR yang menggunakan ‘liberalisme’ sebagai unit analisis dapat mengisi kekosongan kajian yang belum dilakukan.

PERKEMBANGAN IDEOLOGI LIBERALISME DAN PARTI POLITIK

Dari sudut politik, liberalisme menekankan pembebasan dan perubahan orde politik. Penentangan yang dilancarkan oleh golongan liberal merupakan tindakan untuk menyelamatkan dan membebaskan keadaan manusia daripada kongkongan kuasa yang menindas. Ahli falsafah liberal seperti John Locke (1632-1704) memberikan justifikasi untuk melakukan penentangan dan pemberontakan secara sah sekiranya kerajaan gagal menguatkuasakan perundungan dan melaksanakan tanggungjawab moral melindungi hak semulajadi rakyat. Asas kepada pemikiran liberal berdasarkan pilihan individu dan kedaulatan rakyat sebagai kaedah persetujuan Dengan demikian, liberalisme menganjurkan bentuk masyarakat yang boleh bertoleransi dengan pelbagai ideologi dan budaya bagi mengadakan hubungan sosial meskipun kadangkala kepentingan kedua belah pihak sering bercanggah. Proses ini penting dalam menentukan perubahan secara berperingkat (bukan secara

revolusi) ke arah reformasi dan penambahbaikan institusi pemerintahan (Susser 1995). Pendek kata, liberalisme merupakan pemikiran yang menganjurkan perubahan yang bukan bersifat revolusi kekerasan sebaliknya inginkan pertukaran rejim secara berperlembagaan.

Dalam keadaan ini, penekanan terhadap prinsip intelektualisme ketika membahaskan tentang bentuk pemerintahan yang baik menerusi peranan golongan cendiakawan. Golongan pencerahan sering memaparkan diri mereka sebagai intelektual yang mengerakkan perubahan dan kemajuan berfikir khususnya dalam sejarah Revolusi Perancis yang mahukan perubahan kerajaan, Revolusi Amerika yang termaktub di dalamnya Deklarasi Kemedekaan dan Revolusi Gemilang di England yang memilih untuk menginstitusikan raja berperlembagaan. Sesuatu peristiwa besar menandakan tersebarnya budaya kesejagatian. Ciri-ciri zaman tersebut ialah keterbukaan kepada sistem pengetahuan dan pengiktirafan terhadap kemampuan akal manusia berfikir untuk membangunkan keupayaan intelektual dalam menentukan keadaan terbaik bagi dirinya. Malah pergerakan liberalisme dan kesedaran yang dipupuk tidak sama konteksnya berdasarkan kebudayaan dan tradisi. Maka tidak hairanlah, sejarah liberalisme di England mahukan pengekalan institusi asas dan struktur kebudayaan masyarakat dipertahankan (Sargent 2009: 137). Apatah lagi, ideologi liberal merupakan unsur *weltanschauung* ke atas kehidupan berpolitik yang mendapat pengiktirafan secara meluas dalam kalangan intelektual dan pemikir masa kini.

Pengisytiharan demokrasi liberal sebagai ideologi yang ‘menang’ selepas Perang Dingin telah melemahkan pengaliran sosialisme seterusnya memenuhi keperluan baru kepada projek liberalisme (Susser 1995: 57). Dalam konteks Asia Tenggara, liberalisme merupakan kuasa politik yang penting selepas kemerosotan sosialisme khususnya di Malaysia dan Indonesia. Seperti yang dihujahkan Hewison dan Rodan (1996), kepesatan demokrasi liberal merupakan fenomena yang sukar dielakkan ketika politik dunia masuki ‘pasca haluan kiri.’ Menurut Rodan (2013: 29), ruang kosong (*vacuum of power*) yang telah ditinggalkan parti politik yang berdasarkan ideologi kelas telah digantikan menerusi parti politik dan pergerakan sosial baru di negara bekas komunis dan sosialis. Fukuyama (1992: 39), menjelaskan permulaan ‘revolusi liberal’ di seluruh dunia menggambarkan ideologi yang bertentangan dengan demokrasi liberal semakin mengalami penyusutan pengaruh

apabila satu persatu parti-parti berhaluan kiri dan sosialisme dikalahkan. Perkara ini dapat dijelaskan seperti dalam Rajah 1:

Sementara dalam konteks parti politik di AS, ‘reformasi liberal’ dipopulkarkan dengan penerapan unsur yang bersifat populis, progresif dan sebahagian daripada prinsip sosialisme kerana tidak mampu berdiri dengan ‘satu ideologi’ (Hoover et.al 2001: 65). Selepas Perang Dunia Kedua, Parti Demokrat dan Parti Republikan menunjukkan persaingan dalam pembangunan liberalisme – sama ada mereka secara relatifnya dicirikan sebagai golongan liberal kiri (liberalisme moden) yang mendesak campur tangan kerajaan dan kumpulan liberal kanan (liberalisme klasik) yang mahukan pegangan kerajaan dalam ekonomi dilonggarkan (Nikonov 1984: 59). Di AS, liberalisme merupakan ideologi yang terinstitusi yang menjelaskan Parti Demokrat berada pada kedudukan ‘sayap kiri liberal’ manakala Parti Republican berada pada posisi sayap kanan liberal. Pada prinsipnya liberalisme menekankan pemilikan individu, liberalisasi pasaran dan peranan terbatas kerajaan, tetapi liberalisme moden kini memasukkan sebahagian ciri sosialistik bagi mengatasi implikasi negatif pasaran bebas (*extreme capitalism*) agar keadilan sosial dapat diratakan kepada kumpulan sasar dalam masyarakat (Schwarzmantel 2008: 10). Menurut John Stuart Mill sebahagian program ekonomi berbentuk sosialis boleh diterapkan dalam kerangka liberalisme politik selagi tidak mengabaikan kebebasan individu (Mil 1965). Bahkan, campur tangan kerajaan mengikut liberalisme moden boleh meningkatkan kebebasan individu dalam menaikkan keperluan taraf hidup.

Selain itu, program reformasi yang dijalankan dalam sejarah politik AS turut mengumpulkan kelompok liberal yang kanan, anggota kesatuan sekerja berhaluan kiri, komuniti buruh dan ahli-ahli demokrat yang liberal konservatif

bagi menyokong program ‘*New Deal*’ yang direncanakan Presiden Roosevelt dan Parti Demokrat. Ia bertujuan menangani kekayaan yang terpusat kepada kumpulan kecil kapitalis ketika krisis ekonomi (Newman 2005: 54). Sejak pasca *New Deal* 1930-an, Parti Demokrat lebih menunjukkan orientasinya kepada ‘liberalisme kiri.’ Liberalisme kiri merupakan ideologi popular di AS yang sinonim dengan pemikir seperti John Rawls dengan karya ‘*Theory of Justice*.’ Karya tersebut mengubah lanskap perdebatan falsafah liberal dalam kalangan intelektual sehingga buku tersebut diiktiraf Presiden Bill Clinton (1993-2001) sebagai rujukan terpenting berhubung teori keadilan sosial (Holmes 2017: 34). Clinton dan Parti Demokrat cuba mengambil pendekatan jalan ketiga (*third way*) dalam kempen pilihan raya Presiden bagi mengatasi kebuntuan pendukung liberal untuk mereformasi sistem kebajikan dengan berkesan (O’Connor 2002: 397).

Menurut Giddens (1994) pula, pengelasan kiri dan kanan tidak lagi mewakili pegangan ideologinya secara eksplisit (nyata). Ideologi baru sukar diletakkan dalam kategori yang membezakan kiri dan kanan. Spektrum politik pada satu-satu masa dan keadaan menurut White (2010), sering bertukar posisi, menggunakan kedudukan antara satu sama lain yang menunjukkan tindakannya pragmatik. Dalam erti kata, parti yang berorientasikan campuran pragmatik boleh digolongkan sebagai *centrist* mengikut kedudukan spektrum politik. Pragmatik merujuk kepada aliran pemikiran yang berpandangan ‘di mana ada kepentingan di situ mereka akan berada.’ Ideologi liberalisme yang berada pada kedudukan tengah spektrum menerangkan sifat kecairannya yang berubah dari semasa ke semasa dan tidak substantif terhadap satu aliran – sama ada ke kanan diletakkan sebagai kanan-tengah atau ke kiri diposisikan sebagai kiri-tengah. Hal ini bertepatan dengan hujah pemikir



RAJAH 1. Pergerakan Keluar Masuk Ideologi
Sumber: Pandangan Penulis

liberal seperti Von Mises (2015:7), iaitu kesukaran parti politik masa kini untuk memberikan panduan jelas kepada masyarakat mengenai liberalisme yang ‘sejati.’

METODOLOGI

Kajian ini mengaplikasikan kaedah kualitatif yang merangkumi sumber primer dan sekunder. Kajian ke atas sumber primer dijalankan menerusi temu bual tidak berstruktur. Pemberat penting artikel ini adalah temu bual langsung penulis dengan memetik enam orang informan yang terdiri daripada kumpulan pemikir liberal sama ada mereka ini sebagai ahli dan bukan ahli PKR. Input langsung dari informan-informan ini dijangkakan dapat mengukuhkan keaslian artikel ini.

Pengumpulan bahan bersifat sekunder pula telah dijalankan melalui kajian kepustakaan seperti jurnal, buku, artikel, majalah, laporan akhbar dan akses di laman sesawang berkaitan. Pemerhatian langsung turut dijalankan melalui penglibatan penulis dalam Program Sekolah Politik yang dianjurkan IKD. Melalui Koordinator Sekolah Politik, pengkaji telah diberikan penerangan dan maklumat bercetak mengenai perkembangan liberalisme dan projek pencerahan di Malaysia. Ia turut dihadiri pemimpin PKR yang tergolong dalam team pencerahan untuk berdialog secara langsung dengan para peserta.

INTELEKTUAL LIBERAL DAN PROJEK PENCERAHAN DALAM PKR

IKD yang diasaskan Anwar merupakan antara kumpulan pemikir yang mengelilingi bulatan PKR. Tumpuan IKD yang dipimpin Khalid Jaafar adalah mempromosikan inisiatif individu dan pasaran bebas dalam menyuburkan demokrasi dan nilai sejagat. Namun, IKD bukanlah sayap pemikir rasmi PKR, sebaliknya keterdekat dan keahlian sebahagian besarnya terdiri daripada aktivis Jalan Telawi yang menganggotai PKR. Bahkan pemimpin PKR yang lahir dari produk IKD (Unit Pendidikan Politik) tidak kesemuanya berideologikan liberal atau pro pasaran, sebaliknya lebih selesa mengambil jalan tengah (*third way*). Nurul Izzah Anwar umpamanya, memposisikan dirinya dan PKR pada kedudukan *centre-left* (Sekolah Politik, 2016). Hubungan ini menandakan ideologi dalam sesebuah parti diwarnai pelbagai

aliran liberal – sama ada *classical liberalism* dan *modern liberalism*.

Bagi kebanyakan aktivis Jalan Telawi, Khalid Jaafar (Khalid Jaafar tidak memberikan sebarang maklumbalas setelah dua kali penulis membuat permintaan untuk ditemu bual) merupakan individu yang mempelopori aliran liberal dan pencerahan dalam PKR. Khalid telah menunjukkan responnya apabila mengubah bentuk dan isi liberal dengan pengenalan ‘Islam Pencerahan’ menerusi penglibatannya dalam diskusi Jalan Telawi. Hubungan ini menandakan jalur liberalisme cuba disegarkan dengan mengambil kira kesesuaianya di alam Melayu tanpa meninggalkan pengisian nilai Islam. Sebagai individu yang digolongkan intelektual parti, Khalid Jaafar pernah menjadi Setiausaha Akhbar dan penulis teks ucapan kepada Anwar sejak 1985 sehingga 1998. IKD yang diketuainya antara badan pemikir pertama yang memulakan sistem kaderisasi yang berteraskan liberalisme klasik. Menerusi IKD, institusi ini berjaya menyusun proses pendidikan politik mengikut acuan liberal di Malaysia (Wan Saiful 2018: temu bual). Lebih signifikan, Khalid menekankan ‘Majulah Pencerahan’ semasa kempen pemilihan parti untuk dipilih sebagai ahli Majlis Pimpinan Pusat PKR pada 2014. Dalam satu forum yang bertajuk ‘Is Malaysia Ready for a Liberal Party’ yang dianjurkan oleh Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS), Khalid Jaafar menghujahkan bahawa:

“Bagi saya, parti yang saya [PKR] serta boleh dikatakan cukup liberal. Sudah tentu bukan libertarian. Ia adalah seliberal yang mungkin untuk sebuah parti politik dalam konteks Malaysia. Parti saya menyokong kebebasan politik dan ekonomi, persaingan dan menyerang monopoli [terkandung dalam Deklarasi Permatang Pauh]. Kami berpegang kepada hak asasi dan kedaulatan undang-undang. Kami menzahirkan keperluan bagi keadilan sosial dan kepentingan dalam mengurangkan perbezaan jurang pendapatan” (Khalid Jaafar 2015).

Menurutnya lagi, separuh rakyat Malaysia secara tidak sedar menjadi individu yang liberal – sama ada yang menyokong atau menjadi pengkritik kepada ideologi liberal. Perkembangan liberal menurutnya telah berjaya menghapuskan sistem perhambaan dan menginstitusikan sistem monarki berperlembagaan di Malaysia. Komitmen yang ditunjukkan Khalid adalah bersifat kuasa lunak dan tidak menginstitusikan liberal sebagai prioriti bagi PKR. Sebaliknya, falsafah liberalisme yang diketengahkan Khalid dinisbahkan sebagai ‘latihan

JADUAL 1. Senarai Informan dan Justifikasi Pemilihan

Nama Informan	Justifikasi Pemilihan Informan
Amin Ahmad (Ahli Parlimen PKR Kawasan Kangar)	Intelektual PKR yang beraliran libertarian yang mengasaskan badan pemikirnya iaitu LEAD
Hasmi Hashim (Aktivis PKR)	Antara pendiri Jalan Telawi, aktor penting dalam Sekolah Politik IKD dan ahli PKR
Hakim Ramlee (Bekas Jurulatih Sekolah Politik IKD)	Penglibatan dalam Jalan Telawi, aktor penting dalam Sekolah Politik IKD dan ahli PKR yang berada dalam lingkungan Anwar
Fathi Aris Omar (Aktivis Reformasi)	Antara aktivis Reformasi yang liberal dan ‘bebas parti’ serta dekat dengan bulatan IKD dan Khalid Jaafar
Mustaqeem Mahmud Radhi (Penulis dan Penterjemah buku IKD)	Antara aktivis Reformasi yang bukan ahli PKR, mempunyai hubungan dengan Jalan Telawi.
Wan Saiful Wan Jan (Bekas Pengarah Eksekutif Institute for Democracy and Economic Affairs—IDEAS)	Individu yang menggunakan platform badan pemikir IDEAS dalam mempromosikan liberalisme di Malaysia

Sumber: Temu bual Penulis Bersama Informan (2019)

intelektual’ dalam kegiatan politik kepartian. Menerusi ini, karya sarjana tersohor dibincangkan dalam diskusi, menjadi rujukan penting dalam menyediakan teks ucapan untuk pemimpin PKR yang biasanya terdiri dari bulatan IKD. Dalam hubungan ini, karya John Rawls ‘*Theory of Justice*’ misalnya dipopularkan pemimpin PKR dalam ucapan dan forum intelektual selaras dengan posisi PKR yang mempromosikan namanya sebagai ‘Keadilan.’ Namun, kritikan yang sering dilontarkan adalah kesukaran PKR menangani golongan intelektual yang dipandang eksklusif, hanya berinteraksi dengan kelas berstatus elit serta gagal memahami politik di peringkat cabang dan ranting. Keadaan semakin mencabar apabila pandangan awam menyifatkan aktivis intelektual hanya menggunakan kebolehan berfikir pada perkara yang berlandaskan teori yang abstrak sahaja. Bahkan kritikan turut dilemparkan terhadap karier politik Khalid Jaafar yang gagal memenangi sebarang kerusi Parlimen setelah empat kali tewas berturut-turut sejak PRU-1999 hingga PRU-2013 di Batu Berendam, Bukit Katil dan Hulu Selangor.

Sebagai individu yang mendakwa dirinya ‘pendakwah’ liberal, Khalid Jaafar memiliki hubungan istimewa dengan Azmin Ali dalam membentuk modus operandi PKR. Azmin Ali yang diwarnai dengan karektor Anwar Ibrahim sebelum itu dan kini mengasosiasikan dirinya dengan Khalid Jaafar bertindak sebagai penasihat telah mencorakkan personalitinya. Peranan Khalid pada satu segi menurut Shamsul Amri (1993: 6), boleh dianggap ‘birokrat intelektual’ yang ditugaskan sebagai penulis hantu kepada ahli politik di samping menjadi penggubal dasar untuk mengembangkan

bidang baru. Ditambah pula, lingkungan intelektual di sekeliling Azmin terdiri dari kelompok IKD telah memungkinkannya mencetuskan gagasan ‘Keadilan Raya’ dalam kampen pemilihan PKR yang akhir sekali dimenanginya.

Menurut Azmin Ali, kepentingan parti politik adalah meletakkan sebuah ideologi untuk disandarkan (*Malaysiakini* 2014). Hal ini turut diterjemahkan Azmin Ali (2016) dalam bukunya ‘*Membangun Bangsa*’ – Azmin cuba memaparkan dirinya seorang demokrat dalam mengiktiraf peranan nasionalisme Melayu, golongan reformis dan tokoh pembebasan Asia. Pada segi pentadbiran ekonomi, Reformasi yang ditonjolkan Azmin bolehlah secara longgar dicirikan sebagai ‘liberalisme ala AS’ yang berteraskan mesra perniagaan dengan penerapan konsep keadilan sosial dalam menyeimbangkan program kebajikan (*welfare*) seperti bantuan pendidikan, kesihatan dan pengangkutan. Perhatian khusus ini diberikan semasa mentadbir Selangor. Azmin telah mengambil alih kedudukan Menteri Besar Selangor (2014-2018) daripada Khalid Ibrahim (2008-2014) yang berlatar belakangkan elit korporat. Malah Azmin menurut Khalid Jaafar (2010) ingin menjadikan PKR sebagai “*political party as a vehicle for political enlightenment ia a totally new concept in Malaysia*”

Tidak setakat Khalid Jaafar yang menerajui kumpulan pemikir IKD, Institute for Leadership and Development Studies (LEAD) merupakan satu lagi kumpulan pemikir baru yang diasaskan intelektual muda PKR, Amin Ahmad bagi mempromosikan alternatif penyelesaian dasar dan amalan kenegaraan berdasarkan sistem pasaran

yang berteraskan kedaulatan undang-undang, kuasa ekonomi pasaran, *good governance* dalam mengimbangi kebebasan dan tanggungjawab individu. Semua empat prinsip tersebut menurutnya membentuk falsafah libertarianisme yang dianutinya. Dengan tertubuhnya LEAD pada 2017, Amin Ahmad meletakkan LEAD sebagai kumpulan pemikir polisi yang berorientasikan liberal dalam menyasarkan penyertaan aktivis muda menjalankan program, seminar dan penulisan. Pertautannya dengan IDEAS sejak 2011 telah membuka saluran bagi LEAD mendapatkan sumber pembiayaan dari Friedrich Naumann Stiftung (FNS). Malah, peranan aktif Amin Ahmad di peringkat antarabangsa dengan menghadiri International Academy for Freedom (AIF) di bawah kelolaan FNS di Jerman telah membantunya menyediakan *replication* bagi memohon pendanaan. Namun begitu, LEAD tidak bertindak sebagai badan pemikir atau sayap untuk PKR, sebaliknya inisiatif penubuhan LEAD atas kapasitinya sebagai individu yang berhaluan liberal (Amin Ahmad 2018: temu bual). Dengan kata lain, intelektual muda PKR seperti Amin Ahmad dapat mempromosikan liberalisme dan pasaran bebas kepada aktivis muda yang tidak semestinya berlandaskan saluran parti. Namun, sebagai pemimpin junior dalam PKR, Amin Ahmad berpandangan bahawa:

“Masa depan PKR bergantung kepada sejauhmaka anak muda yang mendokongnya sedia mempertahankan pengisytiharan Permatang Pauh dan perbincangan falsafah keadilan dan kebebasan untuk diterjemahkan dalam tindakan setiap pemimpin dan ahli berbanding daripada hanya terlibat dalam politik kekuasaan” (Amin Ahmad 2009).

Berbeza dengan Khalid Jaafar yang sejarah politiknya berasal dari gerakan nasionalisme UMNO, Amin Ahmad merupakan generasi muda Reformasi yang awalnya tidak menyertai parti politik dan hanya terlibat dengan aktivis pelajar Islam di kampus, jemaah tabligh dan terdedah dengan ideologi kiri semasa penglibatannya dalam UBU. Sikapnya yang mendalam terhadap pemikiran politik telah menemukannya dengan pelbagai kumpulan pemikir antaranya IDEAS yang merupakan pertubuhan yang mempromosikan liberalisme di Malaysia. Malah kesungguhannya untuk menginovasikan nilai Islam dengan paradigma liberal dianggap jalan penyelesaian terbaik dalam usaha mendepani cabaran masyarakat majmuk di Malaysia. Pengalaman intelektualnya

bersama bulatan IKD telah mendedahkannya tentang persoalan pencerahan dan liberalism. Sehinggakan Amin Ahmad diminta oleh Khalid Jaafar untuk menulis buku *Ekonomi Pasaran Sosial: Alternatif untuk Malaysia?* yang kebetulan Jerman menyambut ulang tahun ke-60 pelaksanaan ekonomi pasaran sosial (Amin Ahmad 2013). Perhubungan Amin Ahmad dan Khalid Jaafar menjadi pemangkin kepada IKD dalam mengetengahkan wacana sistem ekonomi yang diaplikasikan di Jerman untuk mencabar dasar afirmatif Malaysia yang dijalankan UMNO/BN – PKR seperti yang diketahui sering mengkritik tindakan afirmatif atau Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang berpusatkan kepada satu kaum yang tidak berasaskan keperluan semua segmen kaum.

BULATAN IKD DAN JALAN TELAWI

Bagi aktivis Jalan Telawi yang menganggotai PKR, kepercayaan mereka terhadap proses perubahan dengan jalan kekerasan akan memberihkan revolusi yang menjurus pertumpahan darah sekiranya tidak dielakkan (Hasmi Hashim 2018: temu bual). Hal ini dapat disaksikan dalam sejarah politik Indonesia apabila Reformasi seakan-akan bertukar revolusi kerana berlakunya insiden keganasan yang mengorbankan nyawa (lihat Heryanto & Mandal 2003). Kenyataan ini tidak bermaksud untuk mengaitkan Reformasi di Indonesia berbentuk revolusi seperti Revolusi Perancis yang meruntuhkan sistem monarki. Revolusi dan perubahan tidak semestinya berlaku dalam bentuk rusuhan dan penggulingan kerajaan secara kekerasan, tetapi ‘revolusi pemikiran’ boleh diukur dalam konteks penyebaran idea secara meluas menerusi bentuk perbincangan dan penulisan. Hasmi yang juga merupakan aktivis Jalan Telawi menegaskan berlakunya perubahan signifikan selepas Reformasi:

“Kami [PKR] menemukan satu jawapan bahawa perjuangan secara fizikal iaitu demonstrasi bukan lagi cara yang betul ataupun berkesan. Ia mudah dipatahkan. Jadi mulai saat itu kita telah memilih untuk berjuang secara pemikiran, menggunakan penulisan sebagai senjata bukan lagi demonstrasi sebagai senjata. Sebab yang penting demonstrasi ini, orang marah-marah tetapi penulisan ini bila seorang itu bangkit kerana kesedaran, dia takkan tunduk lagi kepada penindasan” (Hasmi Hashim 2018: temu bual).

Reformasi telah membangkitkan kesedaran kelompok anak muda khasnya aktivis PKR untuk

keluar daripada tradisi *established* melalui jalur pemikiran baru dengan tertubuhnya diskusi Jalan Telawi. Menurut Najwan Halimi (2009), yang merupakan sebahagian dari Team Pencerahan, Reformasi telah menemukannya dengan makna pencerahan dengan berjaya membebaskan dirinya dari ‘perangkap kesedaran’ yang selama ini membentuk pemikirannya untuk bersikap menolak pandangan yang berbeza. Kesedaran universal yang mula menyerap ke dalam pemikiran aktivis Jalan Telawi telah melahirkan ‘pilihan politik’ kepada sebahagian faksi PKR. Sepanjang beberapa tahun, kelompok Jalan Telawi merupakan antara yang menyertai PKR berbanding parti lain. Antara generasi teras PKR dan pendiri awal Jalan Telawi adalah Khalid Jaafar, Hasmi Hashim, Amirudin Shari (Menteri Besar Selangor). Kemudian generasi baru yang disifatkan pelapis seperti Amin Ahmad (Ahli Parlimen PKR Kangar), Afif Bahardin (Exco Pertanian Kerajaan Pulau Pinang), Najwan Halimi (Adun PKR Kota Anggerik), Hilman Idham (Adun PKR Gombak Setia) dan Eekmal Ahmad (aktivis PKR). Golongan *ideologue* ini diandaikan terpengaruh dengan latar pengajian yang dipelajari dari universiti, pembacaan bahan ilmiah daripada sarjana besar Barat dan keterhubungan mereka dengan badan pemikir dalam dan luar negara sebagai aktivis dalam team pencerahan.

Istilah pencerahan mula dipopularkan oleh Khalid Jaafar di Malaysia sekitar awal 2000 dalam diskusi Jalan Telawi bersama sekumpulan anak muda. Perbincangan dimulakan dengan tesis Kant – ‘*what is enlightenment.*’ Di tengah pergelutan politik negara, anak muda berkumpul dan berbahas mengenai kehidupan politik bernegara, keadilan, kebebasan, kebudayaan dan falsafah. Perbincangan mereka bagaimanapun tidak terbatas dalam lingkungan kecil malah dikembangkan dalam komuniti ‘sembang warung’ yang besar berpusat di sekitar Bangsar yang turut menempatkan pejabat IKD pada waktu itu. Seiring dengan gerakan Reformasi yang lahir dari krisis politik serantau, Khalid Jaafar bersama kumpulannya telah mengangkat projek ‘Pencerahan’ sebagai lambang gerakan intelektual dan silang kebudayaan seperti yang pernah tercetus di Eropah menerusi program dianjurkan IKD dan Jalan Telawi (Khairul Anam 2013; Sekolah Politik 2016). Hasil limpahan tenaga yang terpecah ke dalam sektor intelektual dan parti politik pada dasarnya menurut Khalid Jaafar (2014: 220), mempunyai potensi yang tidak boleh dipandang kecil. Khalid menaruh harapan besar kepada idea ‘pencerahan akal’ untuk mengubah

sesuatu keadaan yang dianggapnya ‘tidak betul’ kerana terdapatnya unsur penindasan. Dengan itu, pencerahan menjadi ‘rakan strategi’ kepada perjuangan untuk kebebasan dan keadilan (Mohd Hazim 2007: 101).

Khalid Jaafar yang mengambil alih IKD pada 2000 mencadangkan gerakan pencerahan di Malaysia lebih sesuai meminjam takrif pencerahan ‘*Sapere Aude*’ (keberanian untuk berfikir) yang digagaskan oleh Immanuel Kant (1724-1804) sebagai tema yang mendasari setiap program yang dijalankan IKD-Jalan Telawi. Menurut Khairul Anam (2013), konteks masyarakat Malaysia telah memungkinkan IKD-Jalan Telawi cenderung kepada pemikiran pencerahan British berbanding dengan gerakan pencerahan yang berkembang di Perancis dan negara Eropah lain kerana lebih bercirikan revolucioner. Ia juga menuntut penyusunan semula seluruh struktur masyarakat menurut prinsip akal dan hampir menolak budaya dan tradisi. Sebaliknya pemikiran pencerahan British seperti tulisan John Locke menekankan aspek kesederhanaan dan evolusi secara semulajadi dengan mengambil sikap menghormati kebudayaan dan tradisi, mengimbangi antara akal dan agama, menekankan sikap toleransi, kebebasan individu serta perubahan masyarakat secara teratur. Justeru, projek pencerahan IKD-Jalan Telawi cuba mengambil sikap menolak sebarang bentuk revolusi. Maka tidak hairanlah golongan pencerahan dalam PKR lebih percaya akan perjuangan secara berperlembagaan atau *constitutionalism*.

Secara dasarnya, intelektual liberal PKR berada dalam radar pencerahan yang secara eksplisitnya menolak revolusi yang berunsurkan Marxis dan tidak cenderung kepada analisis kelas yang dianjurkan oleh parti politik kiri berdasarkan sejarah Parti Rakyat Malaysia (PRM) dan Parti Sosialis Malaysia (PSM). Khalid Jaafar sering menegaskan semua parti politik yang demokratik di dunia hari ini adalah mesra kepada pasaran bebas. Khalid turut menghujahkan pertembungan kini bukan lagi antara kapitalisme menentang sosialisme, sebaliknya pertarungan antara kapitalisme dengan kapitalisme – sosialisme menurutnya telah kalah (Amin Ahmad 2013; Sekolah Politik 2016). Bagaimanapun, Khalid Jaafar (2014: 225), menerangkan parti politik yang diletakkan dalam spektrum liberal turut melaksanakan program bersifat sosialis atau pendekatan yang dipanggil ‘*interventionist*’. Ini dapat dibuktikan dengan manifesto PKR yang mirip dengan slogan ‘ubah’

yang dikemukakan Parti Demokrat dan Barack Obama dalam kempen pilihan raya Presiden 2008. PKR turut berjanji untuk memperkenalkan sistem gaji minimum sejumlah RM1,500 sebulan, menarik pelaburan baru bernilai RM100 bilion dalam tempoh masa lima tahun, meningkatkan pertumbuhan ekonomi dengan kadar 8% setahun dan menggalakkan kewujudan media yang bebas dan adil. Wan Azizah menjelaskan bahawa “*PKR vision is to also re-examine all concessions and monopolies and to restructure the market system to encourage price reductions, increases in quality and a steady and uninterrupted.*” Jika diperhatikan aspek manifesto PKR adalah janji parti itu untuk menggantikan DEB yang berasaskan keperluan dan bukannya etnik. Wan Azizah menyatakan “*every race should be given the means to empower themselves and break away from property.*” PKR juga berjanji untuk menjadikan Malaysia *a truly constitutional state for all guaranteeing basic human rights, rule of law and an independent judiciary* (Fernando 2011: 12).

Dalam setengah situasi, adalah menjadi keperluan setiap aktivis bagi memenuhi kekosongan ‘kuasa intelektual’ yang jarang terdapat sebelum era Reformasi. Pada mulanya Universiti Bangsar Utama (UBU) yang dipayungi Hishamuddin Rais terbentuk bagi melengkapkan keperluan protes jalanan bagi aktivis Reformasi yang dianggap kiri. Namun, kelompok UBU yang bermula sekitar 2000 sebenarnya meliputi ideologi ‘kelas proletariat’ sehingga kepada ‘kelas borjuis.’ Dalam beberapa tahun kemudian lahirnya Komuniti Jalan Telawi yang tidak hanya bersegmenkan liberal, meskipun kebanyakannya yang dekat dengan Khalid Jaafar lebih menggemari teks-teks liberalisme klasik. Bahkan sebahagian aktivisnya berasal dari UBU seperti Amirudin Shari, Hasmi Hashim dan Amin Ahmad bertukar orientasinya kerana faktor keperluan yang berbeza yang tidak dapat dipenuhi UBU. Hasmi Hashim antara aktivis yang terpengaruh dengan ideologi kiri sebelum itu dan melakukan penajaran semula ideologi selepas menyertai Jalan Telawi. Sebagai bulatan yang memberi impak kepada PKR, Jalan Telawi telah memenuhi kemahuan mereka yang cenderung kepada wacana yang lebih liberal, penulisan karya kreatif dan penterjemahan karya asal pemikir Barat, elemen yang pada asasnya tidak terdapat pada UBU (lihat Mohd Hariszuan 2012). Bahkan intelektual Jalan Telawi dan UBU sukar dipisahkan secara merit pegangan liberal dan sosialis mereka kerana pembahagian ideologi

yang semakin cair dan bersifat pluralis. Buktinya, pengalaman aktivis PKR seperti Eekmal Ahmad yang pernah bertugas sebagai penyelaras media kepada Anwar telah mengasosiasikan dirinya dengan IKD dan Jalan Telawi berpandangan:

“[Jalan] Telawi yang majmuk budaya itu ruparupanya seperti Malaysia, memerlukan pemaknaan atau dimaknai semula dengan nafas segar. Telawi dan Malaysia bukan sekadar mereka yang berbahasa Inggeris, *huat counture* dan *haute cuisine*. Maknanya kami anak muda ketika itu selain membahaskan ruang awam Habermas, menelaah eseи penting Hayek, juga membaca dengan kuat (maksud literal). Polemik Kebudayaan [Sutan Takdir Alisjahbana] susunan Achdiat Mihardja dan syarahan Syed Naquib berjudul ‘Islam dalam Sejarah Kebudayaan Melayu.’ Kami mahu sedar di sekeliling adalah tidak menjadi salah menjadi Melayu Muslim sekali gus tidak menghalang kami untuk mendakap makna dari wacana ‘Kosmpolitanisme’ nukilan Kwame Anthony Appiah” (Eekmal Ahmad 2010).

Pengaruh kumpulan pemikir bukan sesuatu dianggap baru dalam hubungannya dengan parti politik di Malaysia. Peranan intelektual sebelum ini dikesan melalui pemikir kiri seperti Fabian Society yang pernah disertai Tun Abdul Razak (1970-1976) dan kemunculan Kelab Sosialis Universiti Malaya. Kumpulan intelektual bukan setakat berkembang dalam parti berhuanan kiri seperti PRM dan Parti Buroh, bahkan penyerapan ideologi keadilan sosial ke dalam parti pemerintah UMNO/BN menerusi aktor dan polisi yang diperkenalkan khususnya pada sekitar 70-an (Ahmad Jama’ 2016: 69). Namun, berbeza selepas peristiwa Reformasi apabila Jalan Telawi melengkapkan peranannya untuk memajukan projek liberal yang belum terdapat dalam sejarah aktivisme intelektual dan gerakan penulis (Fathi Aris Omar 2018: temu bual). Dalam erti kata lain, mengelakkannya daripada menyalin semula ideologi kumpulan pemikir lama.

Tidak setakat dikelilingi kumpulan pemikir tempatan, PKR menempatkan kedudukannya sebagai rakan pemerhati dalam Liberal International (LI) sejak 2011 – sebuah pertubuhan yang menyokong parti liberal demokratik. LI turut bekerjasama dengan Majlis Liberal Demokrat Asia (CALD) yang disertai pemimpin dan parti politik. Malah jaringan global platform bagi pemimpin PKR menghadiri persidangan World Movement Democracy (WMD) khususnya di Indonesia dan Turki. Pemimpin PKR seperti Nurul Izzah Anwar, Tian Chua, Elizabeth Wong dan Yusmadi Yusoff antara wakil PKR yang menyertai persidangan

WMD, selain Anwar sebagai aktor yang diberikan penghormatan penting dalam persidangan WMD. Inisiatif ini menandakan PKR cuba menyelaraskan kepentingannya dalam memaparkan imejnya sebagai parti demokrat, selain mengukuhkan kelangsungannya dalam memenuhi piawaian demokrasi liberal. Sejarar dengan perspektif *sociological liberalism* yang menerangkan keserasian hubungan PKR dengan pertubuhan masyarakat sivil dalam mempromosikan demokrasi.

PERANAN SEKOLAH POLITIK IKD DAN KONRAD ADENAUER STIFTUNG (KAS)

Melalui jaringan intelektual yang mengelilinginya, PKR tidak hanya tertarik dengan kaedah konvensional menerusi protes jalanan. Fathi Aris Omar sebelum itu pernah mengkritik PKR kerana masih ‘berperang secara fizikal’ dan bukan ‘berfikir secara intelektual’ dalam merencanakan Reformasi (Lau Weng Sam 2003). Malah pasca Reformasi bukan sekadar gerakan politik kepembangkangan tetapi membentuk falsafah baru terhadap politik Malaysia (Fathi Aris Omar 2015: 56). Menerusi program IKD dan diskusi Jalan Telawi ia telah merintis pandang dunia baru melalui ‘kuasa penulisan.’ Untuk itu, Khalid Jaafar berhasrat menjadikannya sebagai wadah persilangan yang meraikan tulisan non fiksi dan karya kreatif demi meluaskan korpus persuratan Melayu dalam bidang pemikiran. Antara penulisan yang diberikan perhatian adalah falsafah politik khususnya segmen-segmen liberal dalam bentuk semi akademik dan kreatif. Selain posisi Khalid Jaafar yang berlatar belakang Ketua Pengarang Akhbar *Berita Keadilan* (kini dikenali *Suara Keadilan*) telah memuatkan tulisannya ke dalam lidah rasmi dua buah politik iaitu PKR dan PRM. Hampir kesemua tulisan itu kemudiannya dijadikan buku berjudul *Tumit Akilis*. Selain itu, IKD melalui kombinasi penulisnya menerbitkan karya seperti *Kerohanian dan Pencerahan, Metafizik dan Kosmopolitanisme* (Khalid Jaafar), *Ekonomi Pasaran Sosial: Alternatif untuk Malaysia?* (Amin Ahmad) dan *Membangun Semula Diri Makna Malaysia* (Anwar Ibrahim).

Antara buku yang diterjemahkan dan diterbitkan IKD dengan kerjasama KAS ialah *Makalah tentang Kerajaan* (John Locke), *Individualisme* (Friedrich Hayek), *60 Tahun Ekonomi Pasaran Sosial* (Christian L.Gosner dan David Gregosz),

Hak Manusia Suatu Jawapan kepada Edmund Burke (Thomas Paine), *Darihal Kemerdekaan* (John Stuat Mill), *Jalan Perhambaan* (Friedrich Hayek), *Tiada Paksaan dalam Beragama* (Taha Jabir al-Alwani), *Apa itu Pencerahan* (Immanuel Kant), *Liberalisme* (Ludwig Von Mises), *Api dan Cahaya* (James Macgregor Burns). Buku yang diterjemahkan biasanya akan dibahaskan menerusi diskusi Jalan Telawi, program Sekolah Politik dan Kelas Pencerahan yang mana Khalid Jaafar sering bertindak sebagai panelis. Bahkan sebahagian buku terjemahan IKD dilancarkan oleh wakil rakyat PKR – misalnya buku ‘*Jalan Perhambaan*’ tulisan Hayek dilancarkan oleh Afif Bahardin.

Penterjemahan buku ke dalam bahasa Melayu juga diperluaskan dengan penubuhan Inisiatif Buku Darul Ehsan (IBDE) yang memakai jenama ‘Siri Pencerahan Selangor’ – sejarar dengan promosi pencerahan IKD. Bagi Azmin Ali (2016b), penterjemahan karya agung dunia yang dimulakan ‘Projek Pencerahan Selangor’ bagi memperkasakan bahasa Melayu sebagai saluran kepada warisan intelektual dari semua tamadun. Pesta buku menurutnya adalah pertemuan antara ‘ulat-ulat buku’ yang dianggap sebagai ‘Pesta Pencerahan’ dan ‘Pesta Sapere Aude.’ Antara buku terjemahan IBDE sarat dengan pengisian liberal, seperti *Keadilan sebagai Kesaksamaan* (John Rawls), *Toleransi* (Voltaire) dan *Ladang Kebebasan: Pengalaman Amerika* (James Macgregor Burns). Untuk itu, IKD yang diketuai Khalid Jaafar memiliki pasukan penterjemah seperti Mustaqeem Mahmud Radhi, Amin Ahmad, Eekmal Ahmad, Ammar Gazali, Khairul Anam Che Mentri, Pauline Fan, Farhan Afandi, Zihni Khalid, Anwar Yusof dan ramai lagi. Mereka ini tergolong sebagai aktivis intelektual dalam PKR dan bukan PKR.

Khalid Jaafar cenderung dalam menterjemahkan karya besar falsafah klasik Barat dan teks Islam dari versi bahasa asal seperti Inggeris, Arab dan Jerman ke dalam bahasa Melayu. Bahkan Khalid Jaafar menegaskan pendiriannya berhubung dengan penggunaan bahasa Melayu perlu diperluaskan dalam menyampaikan perbahasan berkaitan falsafah dan liberalisme. Khalid Jaafar berpandangan bahan bacaan liberalisme sebahagian besarnya menggunakan bahasa Inggeris telah menyukarkan masyarakat memahami kandungannya. Sikap prejudis terhadap perkataan liberalisme yang dianggap anti-Islam telah memungkinkan pendukung liberal menyebarkannya secara penulisan dan diskusi,

di samping menolak bentuk paksaan (*coercive*) serta gerakan yang provokatif (Fathi Aris Omar 2018: temu bual). Perlu ditekankan pergerakan liberalisme di Malaysia dan IKD khasnya tidak menggunakan perkataan ‘liberal’ pada institusinya seperti yang terdapat pada nama pertubuhan di Indonesia seperti Jaringan Islam Liberal (JIL).

Selain itu, pendidikan politik telah dibangunkan IKD apabila mengasaskan Sekolah Politik bermula sejak 2010. Ia dilihat medium tidak formal bagi golongan muda yang berminat menjadi pemimpin dengan dibekalkan kursus kepimpinan serta pengetahuan falsafah politik bagi menjadikan mereka aktivis parti yang berfikiran liberal demokrat. Sebagai sebuah unit di bawah IKD, Sekolah Politik tidak kelihatan berselindung dengan ideologi liberalisme yang diterapkan dalam program mereka. Menurut Khalid Jaafar yang merangkap Pengetua Sekolah Politik, liberalisme yang diketengahkan Sekolah Politik merupakan model ‘liberalisme alam Melayu’ yang berteraskan prinsip Rukun Negara berdasarkan kesesuaianya dalam konteks politik Malaysia (*Malaysia Insider*; 6 Mac 2016).


Sekolah Politik format IKD tidak meletakkan platform ideologi yang khusus untuk memperkenalkan PKR secara rasmi. Namun, komitmen speaker dan panelis kebanyakannya lebih menekankan kepada liberalisme dan pencerahan dalam sesi perbincangan dan tidak menolak ideologi yang berbeza (Mustaqeem Radhi 2018: temu bual). Untuk itu, Hakim Ramlee dilantik sebagai jurulatih oleh IKD bagi mengendalikan sesi Sekolah Politik yang bermodularkan ‘tiga tingkatan’ setiap tahun – setiap tingkatan akan dilangsungkan selama tiga hari. Hakim Ramlee pernah menyertai kursus dan bengkel KAS iaitu ‘Civic Education and Training Workshop’ di Berlin Jerman pada 2010. KAS merupakan antara badan pemikir yang mempunyai pertalian serta mendapat pendanaan dari parti pemerintah Jerman iaitu Christian Democratic Union (CDU) dalam mempromosikan idea pencerahan Kant. KAS berperanan menyebarkan nilai keadilan dan kesetaraan dalam bidang diplomasi. Maka tidak hairanlah, KAS menyalurkan dana kepada institusi pemikir yang memprojekkan keadilan sejagat, demokrasi dan kebebasan sebagai teras. Lebih menarik perhatian, apabila Jan Senkyr yang merupakan Residen mewakili KAS di Malaysia meletakkan PKR sebagai parti politik yang menyokong nilai ‘liberalisme sosial’

menerusi kempen dan manifesto pilihan raya yang dilancarkan (Senkyr 2013: 75).

Seperti yang diketahui, yayasan Konrad Adenauer antara NGO Jerman yang membayai program pendidikan politik IKD – kumpulan pemikir Anwar yang berpengaruh kepada PKR. Lebih mencuri perhatian, IKD didanai sumbernya daripada KAS atas tiketnya sebagai NGO, manakala PKR dikatakan mendapat pendanaan melalui pengendalian bengkel dan latihan daripada FNS atas kapastinya sebagai sebuah parti (Hakim Ramlee 2018: temu bual). FNS merupakan yayasan Jerman yang mempromosikan liberalisme dan pasaran bebas. Secara tidak langsung memberikan kelebihan kepada PKR kerana kerapatannya dengan kedua buah NGO tersebut. Namun, Sekolah Politik IKD tidak didanai kewangannya oleh PKR. Perlu diingatkan, IKD bukan setakat memulakan pertaliannya dengan KAS sejak PKR sebaliknya hubungan IKD-KAS telah mula terjalin sejak Kamarudin Jaffar menjadi Pengurus Eksekutif IKD yang pertama dan Anwar masih di dalam UMNO. Semasa Anwar disingkirkan jawatan daripada kerajaan, KAS tidak bercadang memutuskan hubungan tersebut atas dasar profesionalisme dan meyakini Anwar dilayan secara tidak adil. Begitupun, KAS menegaskan pertubuhannya tidak menyokong PKR atas kapasitinya sebagai parti (Muhamad Takiyuddin 2019: 239).

Mandat yang diberikan KAS kepada IKD untuk menjalankan program pendidikan politik adalah bersifat inklusif dan rentas parti dalam menyasarkan aktivis khususnya di bandar. Secara tidak langsung, persekitaran politik bandar disifatkan sebagai tempat pertemuan bagi aktivis PKR yang berada di sekitar Lembah Klang. Kawasan kosmopolitan seperti Bangsar dan Petaling Jaya (bertempatnya Ibu Pejabat PKR dan diskusi Jalan Telawi) yang berada di tengah antara Kuala Lumpur dan Selangor merupakan pusat kegiatan kepartian dan masyarakat sivil. Tidak menghairankan apabila PKR turut diklasifikasikan sebagai parti urban yang di dalamnya mengandungi pengikut liberal yang beraliran kiri-tengah dan kanan-tengah selain dikelilingi aktor-aktor liberal. Konteks ini dapat dijelaskan seperti Rajah 2 di bawah:

Menerusi pembelajaran politik yang dipupuk, sosialisasi aktivis intelektual ini sentiasa melahirkan golongan yang kritikal, bahkan pergerakan mereka yang terpusat di bandar boleh dianggap sebagai ‘sarang radikalisme’ dan mudah merebaknya protes. Faktor globalisasi melalui perkembangan aktivisme dari negara luar turut



RAJAH 2. Golongan dan Aktor yang Mempengaruhi Bulatan Liberal PKR
Sumber: Pandangan Penulis

mempengaruhi kesedaran anak muda dan aktivis di Malaysia untuk menukar orientasi konservatisme kepada liberalisme (Rashila 2012: 11; Thock 2012; Lopez 2001). Kecepatan proses urbanisasi, faktor material dan pertambahan golongan berpendidikan turut menyumbang kesedaran intelektual PKR terdedah dengan pemikiran ‘kapitalisme’ dan ‘individualisme.’ Literasi politik yang meningkat mempengaruhi penyokong ‘sapere aude’ mengutamakan partisipasi dan kesukarelawan mengikut saluran pengkaderan. Khalid Jaafar (2010) pernah menegaskan “PKR akan menghidupkan minda-minda yang masih tewas, merangsang keberanian berfikir dan membawa slogan *sapere aude* ke seantero negara.”

Penceburan golongan liberal dalam institusi pendidikan politik telah menarik perhatian aktivis muda. Dari segi pengisian, Sekolah Politik menekankan pendekatan yang bersifat teoritikal dan praktikal. Falsafah politik seperti ‘idea zaman pencerahan’ dan ‘sejarah liberalisme’ biasanya dikendalikan Khalid Jaafar atau dikenali sebagai ‘Pak Khalid’ dan Hasmi Hashim atau lebih dikenali sebagai ‘Buddhi Hekayat.’ Kursus yang diterapkan dengan aktiviti ilmiah, persembahan dan sesi permainan yang menarik dibuat secara praktikal untuk peserta. Peserta Sekolah Politik diberikan tugas sebagai ahli Parlimen mewakili

parti kerajaan dan blok pembangkang dalam sesi perdebatan seperti perbahasan dewan rakyat dan debat ala Presiden AS (Hakim Ramlee 2018: temu bual). Dalam hubungan ini, peserta diterapkan dengan teori politik dan akan menterjemahkan kefahaman mereka dalam bentuk politik amali yang membolehkan mereka menjadi pekerja demokrasi, menguruskan organisasi dan menjadi ahli politik yang berketerampilan. Peranan aktivisme intelektual dan pemimpin parti dicirikan sebagai sistem sokongan yang saling melengkapi peranannya dalam menyebarkan idea pencerahan. Kepimpinan PKR yang berhasil dari program IKD seperti Nurul Izzah, Amiruddin Shari, Nik Nazmi Nik Ahmad, Afif Bahardin, Sim Tze Tsin, Amin Ahmad dan Hilman Idham telah meletakkan mereka sebagai ‘rallying-point’ dalam Sekolah Politik

Walau bagaimanapun, kelompok liberal dianggap kumpulan minoriti dari segi bilangannya dalam PKR (Mustaqeem Radhi 2018: temu bual), memandangkan kaum ini sukar ditemui dalam parti-parti politik yang lazimnya mencerminkan sifat yang eksklusif. Hal ini sebenarnya menyukarkan penembusan daerah kekuasaan elit kerana kepimpinan tertinggi parti masih didominasi kelompok birokrat yang lebih pragmatik yang mewakili pandangan majoriti ahli PKR seperti

Wan Azizah, Rafizi Ramli, Tian Chua, Shamsul Iskandar Mohd. Akin dan Saifuddin Nasution Ismail. Lebih lebih lagi, konsep *centre-left* dan *centre-right* menurut Pengarah Komunikasi PKR, Fahmi Fadzil (2018: komunikasi personal), kurang ditekankan memandangkan ideologi yang difahami pengamal demokrasi AS dan Eropah bukan unsur yang dekat dengan pemikiran masyarakat dan elit politik Malaysia. Sungguhpun begitu, PKR dianggap oleh aktivis Reformasi, Fathi Aris Omar sebagai parti *centrist*:

“Elemen yang dianggap progresif ini kadang-kadang dia kecenderungan ke kiri, kadang kecenderungan liberal. Tapi dia sebenarnya golongan yang *centrist*. Sebenarnya liberal dalam konteks PKR ni golongan *centrist* yang memakai ideologi liberal. Dia ini parti yang pragmatik dari segi pendekatan. Jadi, kita kena melihat *ideological differences* dalam Keadilan ini sebagai intelektual untuk *dissect* persoalan. Persoalan bagaimana nak katakan *democratic reform* tu barangkali ada asas dalam ideologi liberal. Dalam persoalan tertentu barangkali pendekatan [ekonomi politik] *social democrat* lebih relevan. Dalam hal tertentu Islam dilihat relevan. Jadi saya rasa ideologi ni bukanlah benda dianggap kepuakan tapi satu *intellectual tool*. Jadi, golongan liberal dalam Keadilan ini pun nampak benda yang sama” (Fathi Aris Omar 2018: temu bual).

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, artikel ini mendapati projek liberalisme yang dibangunkan intelektual PKR bukanlah bersifat mutlak, tetapi mengambil garis politik yang sederhana. Aspek perubahan politik yang diambil kelompok liberal juga menolak pendekatan revolusi sebaliknya menekankan proses evolusi yang memakan masa. Dengan demikian, golongan PKR yang dipanggil sebagai ‘team pencerahan’ cuba menonjolkan pemikiran baru dalam menarik minat aktivis muda melalui pengucapan, perbincangan dan penulisan. Elemen ini memainkan peranan signifikan dalam mempengaruhi tingkahlaku intelektual selepas dua dekad PKR ditubuhkan.

Selain faktor evolusi, ciri yang mengikat liberalisme pada intelektual PKR dapat dicerminkan melalui semangat berfikir secara kritis, kemauhan membebaskan pemikiran masyarakat dan mengamalkan keterbukaan pandangan. Dalam hubungan ini, intelektual pencerahan yang dipelopori Khalid Jaafar sentiasa berubah mengikut situasi dalam menginterpretasikan tindakan politik. Ia bertujuan memenuhi kerangka

reformis-liberal dalam menyasarkan pembelaan dan keadilan sejagat kepada masyarakat berbilang kaum.

Oleh sebab itu, posisi PKR sebagai organisasi politik berhaluan tengah yang terdiri daripada gabungan kiri tengah dan kanan tengah. Konteks ini melahirkan pembentukan haluan parti yang tidak terlalu ekstrem ke arah ‘kiri’ atau ‘kanan.’ Peranannya ‘diselangselikan’ mengikut konteks yang menggambarkan kedua sayap liberal kiri dan kanan bersikap pragmatik dan *centrist*. Bahkan, kapasiti kumpulan pemikir menjadi faktor pemberat dalam mengerakkan kesedaran generasi Reformasi berfikiran pencerahan sehingga akhirnya berjaya menukar statusnya daripada parti pembangkang kepada parti pemerintah selepas PRU-14.

RUJUKAN

- Abdul Halim Ali. 2019. Apakah Reformasi 98 Masih Relevan? Satu Analisis Sosial dan Ekonomi. *Perbincangan Rumah Gerak Budaya*.
- Ahamad Jama’ Amin Yang. 2016. Aliran Fabian dalam gerakan politik di Malaysia: Suatu tinjauan daripada perspektif sejarah. *Malaysian Journal of Social Science and Humanities* 1(2): 67-77.
- Akmal Hisham Abdul Rahim. 2011. Parti Keadilan Rakyat (PKR) dalam Pilihan Raya Kecil. Dlm. *Pilihan Raya Kecil Kuala Terengganu 2009*, disunting oleh Mohammad Redzuan Othman, Amer Saifude Ghazali & Zulkarnain Abdul Rahman, 99-113. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Amin Ahmad. 2009. Quo Vadis KeADILan? <http://jalantelawi.com/2009/06/quo-vadis-keadilan/>. diakses pada 9 Ogos 2018.
- Amin Ahmad. 2013. *Ekonomi Pasaran Sosial Alternatif untuk Malaysia?*. Rawang: IKD.
- Amin Ahmad. 2018. Ahli Parlimen PKR Kangar, temu bual dengan penulis, Shah Alam, 16 Februari.
- Azmin Ali. 2016. *Membangun Bangsa Catatan Permulaan Tentang Etika, Urus Tadbir dan Kenegaraan*. Shah Alam: Institut Darul Ehsan.
- Azmin Ali. 2016b. Pesta buku dan penterjemahan. Dlm. <http://www.sinarharian.com.my/kolumnis/azmin-ali/pesta-buku-dan-penterjemahan-1.546825>. diakses pada 30 Ogos 2018.
- Eekmal Ahmad. 2010. Saya Pun Malay(Sian). <http://jalantelawi.com/2010/09/saya-pun-malaysian/>. diakses pada 5 Mac 2018.
- Fahmi Fadzil. 2018. Pengarah Komunikasi PKR, Perbincangan dalam Talian, 9 Julai 2017.
- Farish A. Noor. 1999. Looking for Reformasi: The Discursive Dynamics of the Reformasi Movement and its Prospects as a Political Project. *Indonesia and the Malay World* 77(27): 5-18.

- Fathi Aris Omar. 2015. *Agong Tanpa Tengkolok*. Ulang Cetak. Bangi: Thukul Cetak.
- Fathi Aris Omar. 2018. Aktivis Reformasi dan Jalan Telawi, temu bual dengan penulis, 16 Februari.
- Fernando, J.M. 2011. Pola Pengundian dan Isu-Isu dalam Pilihan Raya Umum Malaysia ke-12. Dlm. *Pilihan Raya Umum Malaysia ke-12 Isu dan Pola Pengundian*, disunting oleh Fernando, J.M, Zulkarnain Abdul Rahman & Suffian Mansor, 1-26 Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Fukuyama, F. 1992. *The End of History and the Last Man*. New York: Free Press.
- Funston, N. J. 2000. Malaysia's Tenth Elections: Status Quo, "Reformasi" or Islamization?. *Contemporary Southeast Asia* 22(1): 23-59.
- Giddens, A. 1994. *Beyond Left and Right: The Future of Radical Politics*. Cambridge: Polity Press.
- Hakim Ramlee. 2018. Jurulatih Sekolah Politik IKD, temu bual dengan penulis, 19 Februari.
- Hamdan Mohd Salleh. 2018. Parti Keadilan Rakyat sebagai Parti Oposisi dalam Amalan Demokrasi di Malaysia. Dlm. *Merentasi Sempadan yang Melewati Zaman: Kumpulan Esei Sempena Persaraan Profesor Mohammad Redzuan Othman*, disunting oleh Amer Saifude Ghazali, Zulkarnain Abdul Rahman & Rosmadi Fauzi, 301-324. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Hasmi Hashim. 2018. Aktivis PKR dan Jalan Telawi, temu bual dengan penulis, 14 Julai.
- Heryanto, A & Sumit, K. Mandal (sunt.). 2003. *Challenging Authoritarianism in Southeast Asia: Comparing Indonesia and Malaysia*. London: Routledge Curzon.
- Hewison, K. & Rodan, G. 1996. The Ebb and Flow of Civil Society and the Decline of the Left in Southeast Asia. Dlm. *Political Opposition in Industrialising Asia*, disunting oleh Rodan, G, 40-71. London: Routledge.
- Holmes, K. R. 2017. *The Closing of the Liberal Mind: How Groupthink and Intolerance Define the Left*. Encounter Books: New York.
- Hoover, K, J Miles, V. J & Weir, S. 2001. *Ideology and Political Life*. Third Edition. New York: Harcourt College.
- Juego, B. 2018. The Institution of Authoritarian Neoliberalism in Malaysia: A Critical Review of the Development Agendas Under Regimes of Mahathir, Abdullah and Najib. *Austrian Journal of South-East Asian Studies* 11(1): 53-79.
- Kamarudin Jaffar. 2000. *Pilihan Raya 1999 dan Masa Depan Politik Malaysia*. Kuala Lumpur: IKDAS.
- Khalid Jaafar. 2010. Manifesto Menuju Putrajaya dan Azmin Ali. 18 Oktober. <http://jalantelawi.com/2010/10/manifesto-menuju-putrajaya-dan-azmin-ali/>. diakses pada 30 April 2016.
- Khalid Jaafar. 2014. *Tunit Akilis dan Lain-Lain Esei*. Rawang: IKD.
- Khalid Jaafar. 2015. Adakah Malaysia Bersedia untuk Parti Liberal? <http://jalantelawi.com/2015/09/adakah-malaysia-bersedia-untuk-parti-liberal/>. diakses pada 6 April 2018.
- Khairul Anam. 2013. Pencerahan, Revolusi dan Pemikiran Kritis. Dlm. <http://jalantelawi.com/2013/10/pencerahan-revolusi-dan-pemikiran-kritis/> diakses pada 14 Julai 2018.
- Khoo Boo Teik. 2000. Unfinished Crisis: Malaysian Politics in 1999. *Southeast Asian Affairs* (2000): 165-183.
- Lau Weng Sam. 2003. Merenung balik Keadilan <https://www.malaysiakini.com/letters/25877>. diakses pada 6 Julai 2018.
- Lopez, C. 2001. Ideological-Structural Analysis of External Influences on Current Human Rights Discourses in Malaysia. *Akademika* 59(1): 53-73.
- Mazlan Ali & Zulkarnain Abdul Rahman. 2014. Parti Keadilan Rakyat (PKR) dan Politik Rentas Kaum Pada Pilihan Raya Ke-12 di Kuala Lumpur. *Jurnal Demokrasi dan Pilihan Raya* 3(1): 63-72.
- Mohd. Ali Kamaruddin & Jamaie Hamil. 2005. Budaya Politik: Perspektif Kepimpinan Politik Melayu daripada Tradisi ke Kontemporari. Dlm. *Tinjauan Baru Politik Malaysia*, disunting oleh Maizatul Haizan Mahbob & Mohamad Zain Musa, 96-124. Bangi: Penerbit UKM.
- Mohd Hariszuan Jaharudin. 2012. Gerakan Sosial Baru Pasca Reformasi. Dlm. *Wacana Baru Politik Malaysia Perspektif Ruang Awam Budaya dan Institusi*, disunting oleh Mohd Hariszuan Jaharudin & Mohd Rizal Hamdan, 51-76. Petaling Jaya: SIRD.
- Mohd Hazim Shah. 2007. Kant dalam Konteks Masyarakat dan Budaya di Malaysia: Apakah Relevannya? Dlm. *Kerohanian dan Pencerahan*, disunting oleh Adib Zalkipli, 99-110. Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar.
- Muhamad Takiyuddin Ismail. 2019. *Bantuan Demokrasi di Malaysia Melewati Pertukaran Rejim*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mustaqeem Radhi. 2018. Aktivis Jalan Telawi, temu bual dengan penulis, 12 Februari.
- Newman, M. 2005. *Socialism: A Brief Insight*. London: Sterling.
- Nikonov, V. A. 1984. The Republican Party and Lyndon Johnson's "Great Society" Program. *Soviet Studies in History*, 22(4):59-75.
- O'Connor, B. 2002. Policies, Principles, and Polls: Bill Clinton's Third Way Welfare Politics 1992-1996. *Australian Journal of Politics & History* 48(3): 396-411.
- Rashila Ramli. 2012. Youth Political Participation in Asia: Outlooks in Malaysia and Indonesia. Dlm. *Youth Future Agents of Change or Guardians of Establishment?*, disunting oleh Hofmeister, W, 11-18. Singapore: KAS.

- Rodan, G.1996. Theorising Political Opposition in East and Southeast Asia. Dlm. *Political Opposition in Industrialising Asia*, disunting oleh Rodan, G. 1-39. London: Routledge.
- Rodan, G. 2013. Southeast Asian Activism and Limits to Independent Political Space. Dlm. *Social Activism in Southeast Asia*, disunting oleh Ford, M. 22-39. London: Routledge.
- Sargent L.T. 2009. *Contemporary Political Ideologies: A Comparative Analysis*. Belmont: Wadsworth Cengage Learning.
- Schwarzmantel, J. 2008. *Ideology and Politics*. Los Angeles: Sage.
- Sekolah Politik. 2016. Program Pendidikan Politik Anjuran IKD. Petaling Jaya: Sekolah Politik.
- Senkyr, J. 2013. Political Awakening in Malaysia: Despite Victory, Government, Coalition Emerges Weakened from The Parliamentary Elections. *KAS International Reports* 7(2013): 68-85.
- Shamsul Amri Baharuddin. 1993. Pentingnya Birokrat Intelektual. *Dewan Masyarakat*. 6, Disember.
- Sheila Nair 2007. The Limits of Protest and Prospects for Political Reform in Malaysia. *Critical Asian Studies* 39(3): 339-368.
- Susser, B. 1995. *Political Ideology in the Modern World*. Boston: Allyn & Bacon.
- Syed Ahmad Hussein. 2002. Muslim Politics and the Discourse on Democracy. Dlm. *Democracy in Malaysia Discourses and Practices*, disunting oleh Loh, F.K.W & Khoo Boo Teik, 74-110. Surrey: Curzon Press.
- The Malaysian Insider*. 2016. Parti politik bersaing tawan minda pemimpin pelapis melalui pendidikan. <https://themalaysianinsider.wordpress.com/2016/03/06/parti-politik-bersaing-tawan-minda-pemimpin-pelapis-melalui-pendidikan/> diakses pada 18 Mac 2019.
- Thock Ker Pong. 2012. Aktivisme Mahasiswa Cina Era Reformasi dan Pasca Reformasi di Malaysia: Kajian Impak Politik dalam PRU ke-12. *Akademika*, 82(1): 91-102.
- Tunku Mohar Mokhtar. 2013. Political Parties and Party System. Dlm. *Government and Politics in Malaysia*, disunting oleh Abdul Rashid Moten, 223-248. Petaling Jaya: Cengage Learning.
- Von Mises, L. 2015. *Liberalisme*. Terj. Pauline Fan. Rawang: IKD.
- Wan Saiful Wan Jan. 2018. Bekas Pengurus IDEAS, temu bual dengan penulis, 8 Mac.
- White, J. 2010. Left, Right and Beyond: The Pragmatics of Political Mapping. Kertas Kerja Persidangan "Europe in Question." Anjuran London School of Economics, London, Jun.
- Mohd Azizi Jaeh (corresponding author)
 Pusat Dasar dan Governans Global
 Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 43600 UKM Bangi
 Selangor
 Malaysia
 E-mail: tansriaizizi@yahoo.com
- Muhamad Takiyuddin Ismail
 Pusat Dasar dan Governans Global
 Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 43600 UKM Bangi
 Selangor
 Malaysia
 E-mail: taki@ukm.edu.my

Received: 9 Julai 2019

Accepted: 15 Februari 2020

